

Usul (46) Hadits-hadits yang menyatakan anak zina tidak akan masuk syurga, demikian juga anak cucunya, tidak ada satu pun yang sahih, bahkan semuanya maudhu'. Demikian juga hadits-hadits yang menyatakan anak zina dicipta untuk neraka, semata-mata kerana ia anak zina, bukan kerana apa-apa dosa yang dilakukannya.

Sementara hadits-hadits yang menyatakan kehinaan dan kejelikan anak zina sama ada di dunia atau pun di akhirat, semata-mata kerana ia anak zina pula kebanyakannya adalah dha'if teruk atau maudhu'.

Kalau ada pun satu atau dua hadits (yang dianggap) sahih yang zahirnya memang menunjukkan kehinaan dan kejelikannya, maka maksud sebenarnya bukanlah begitu (sebagaimana zahirnya). Ia sama ada dihukum sebagai (hadits) syadz atau termasuk dalam hadits-hadits yang perlu dita'wil.

Terdapat beberapa contoh yang boleh dikemukakan untuk usul ke-46 ini. Antaranya:

Contoh Pertama:

فَرَحُ الزَّانَا لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ

Bermaksud: Anak zina tidak akan masuk syurga.

Rujukan:

Ibnu `Adi - Al-Kāmil Fi Dhu`afā' ar-Rijāl j.4 m/s 524, Ibnu al-Jauzi- al-Maudhu`aat j. 3 m/s 111, as-Suyuthi – al-La'aali'u al-Mashnu`ah j.2 m/s 164, Ibnu `Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari`ah al-Marfu`ah j.2 m/s 228, ar-Rāfi'e – at-Tadwīn Fi Akhbāri Qazwīn j.2 m/s 146, ad-Dāraquthni - `Ilal ad-Dāraquthni j.9 m/s 101, adz-Dzahabi – Mīzān al-ʿItidāl j.3 m/s 340, Ibnu al-Jauzi- al-`Ilal al-Mutanaahiyah j.2 m/s 769.

Komentar:

(1) Sanad Ibnu `Adi bagi hadits contoh pertama itu di dalam al-Kāmil Fi Dhu`afā' ar-Rijāl adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا حمزة بن داود التقي ، حَدَّثَنَا مُحَمَّد بن زنبور ، حَدَّثَنَا عَبْد العزيز بن أبي حازم عن سهيل عن أبيه ، عن أبي هريرة ، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم

(2) Ramai `ulama' meletakkan kesalahan hadits contoh pertama itu di atas pundak Suhail. Ibnu `Adi berkata, "Hadits ini diketahui dengan sebab Suhail." Ibnu al-Jauzi berkata, "Hadits ini maudhu'. Suhail bin (Abi) Shaleh as-Sammān, kata Yahya (bin Ma`īn) mengenainya, "Haditsnya bukan hujah." Abu Haatim pula berkata, "Boleh ditulis haditsnya, tetapi tidak boleh dijadikan hujah."

(3) Di bawah biografi Suhail bin Abi Shaleh Dzakwān as-Sammān, setelah mengemukakan pandangan orang-orang yang menta'dilkannya, Imam adz-Dzahabi juga mengemukakan pandangan orang-orang yang mentajrīhkannya.

Apa yang jelas daripada keterangan adz-Dzahabi ialah Suhail tidak diterima Bukhari sebagai perawinya di dalam Sahih Bukhari. Imam Muslim walaupun memasukkan banyak juga hadits Suhail, tetapi kebanyakannya hanyalah sebagai riwayat-riwayat syawahid. Imam Malik pula menerima hadits-hadits daripada Suhail sebelum fikirannya bercelaru.

Antara sebab kenapa fikiran Suhail kemudiannya bercelaru menurut `Ali bin al-Madīni ialah kematian salah seorang saudaranya. Kerana terlalu sedih atas kematiannya, fikiran Suhail jadi bercelaru dan banyaklah hadits yang dia terlupa. (Lihat Mizaanu al-ʿItidaal j.2 m/s 243-244).

(4) Menurut para `ulama' hadits, bukan Suhail sahaja perawi yang bermasalah di dalam sanad hadits tersebut. Muhammad bin Zumbūr juga perawi bermasalah. Dia seorang perawi yang lemah. Riwayatnya yang bercanggah dengan riwayat perawi tsiqāt tidak boleh diterima. Ḥamzah bin Daud ats-Tsaqafi pula bukan seorang perawi yang dikenali (majhūl) para `ulama' Rijāl.

(5) Menurut Ibnu al-Jauzi, hadits itu selain bermasalah di sudut sanadnya, matannya juga bercanggah dengan beberapa prinsip (keadilan) agama Islam yang termaktub di dalam al-Qur'an. Yang paling besar daripadanya ialah firman Allah:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

Bermaksud: ...dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja); ... (al-An`ām:164).

Di sini Imam Ibnu al-Jauzi telah menggunakan pakai usul dirayah hadits (lihat Usul Dirayah ke-10 di dalam buku ini) untuk menolak hadits contoh pertama yang dikemukakan di atas. Beliau malah menegaskan, hadits itu tidak sah dan maudhu' kerana bercanggah dengan firman Allah yang mengandungi prinsip keadilan Islam yang terpakai bukan sahaja di dunia bahkan sampai ke akhirat.

(6) Hadits yang dikemukakan sebagai contoh pertama itu juga bercanggah dengan firman Allah yang tersebut di dalam ayat yang sama, sebelum sedikit daripada potongan ayat yang disebutkan oleh Ibnu al-Jauzi tadi, iaitu:

... وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا ...

Bermaksud: ...Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; ... (al-An`ām:164).

(7) Saiyyidatuna `Aaishah juga berdalil dengan firman Allah yang sama untuk membuktikan anak zina tidak menanggung apa-apa dosa kerana perzinaan yang dilakukan oleh kedua ibu bapanya. Kata beliau:

لَيْسَ عَلَى وَلَدِ الزَّانَا مِنْ وَرَرِ أَبَوَيْهِ شَيْءٌ {وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى}

Bermaksud: Anak zina tidak menanggung sedikit pun daripada dosa kedua ibu bapanya. (Allah berfirman, bermaksud) “Seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).” (al-An`ām:164). (Atsar riwayat al-Haakim, al-Baihaqi dan `Abdur Razzaaq).

Contoh Kedua:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ وَلَدُ الزَّانَا وَلَا وَلَدُهُ وَلَا وَلَدُ وَلَدِهِ

Bermaksud: Anak zina tidak akan masuk syurga, tidak (akan masuk juga) anaknya dan tidak juga anak bagi anaknya.

Rujukan:

Abu Nu`aim - *Ĥilyatu al-Auliya'* j.3 m/s 308, Ibnu al-Jauzi- *al-Maudhu`aat* j.3 m/s 110, az-Zaila'i – *Takhrīj Ahādīts al-Kasysyāf* j.4 m/s 76, as-Suyuthi – *al-La'aali'u al-*

Mashnu`ah j.2 m/s 164, ad-Dailami – al-Firdaus j.5 m/s 108, Ibnu `Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari`ah al-Marfu`ah j.2 m/s 228),

Komentar:

(1) Sanad riwayat Abu Nu`aim di dalam *Hilyatu al-Auliya`* adalah seperti berikut:

عبد الله بن حنيفة ثنا يوسف بن أسباط عن أبي إسرائيل الملائني إسماعيل بن (أبي) إسحاق عن فضيل ابن عمرو عن مجاهد عن ابن عمرو عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم

(2) Dengan sanad Abu Nu`aim itu juga Ibnu al-Jauzi mengemukakan hadits contoh kedua di dalam kitabnya *al-Maudhu`at*. Ibnu al-Jauzi mengatakan punca penyakitnya ialah Abu Isra`il. Ia merupakan paksi (madaar) bagi hadits itu. Kata Yahya, “*Ashhāb al-hadits* tidak mahu menulis haditsnya. Tirmidzi dan ad-Daraquthni mengatakan ia *dha`if*.”

(3) Ibnu al-Jauzi juga menyebutkan bahawa di dalam sanad hadits itu terdapat *idhthirāb* yang teruk pada Mujahid. Ada ketikanya Mujahid dikatakan telah meriwayatkannya terus daripada Abi Hurairah. Di dalam sesetengah sanad pula tersebut Mujahid telah menerimanya daripada Abu Hurairah dengan perantaraan Ibnu `Amar seperti yang tersebut di dalam riwayat Abu Nu`aim di atas.

Di dalam sesetengah sanad pula tersebut Mujahid telah menerimanya dengan perantaraan Abi Sa`id. Ada ketika pula Mujahid dikatakan telah meriwayatkannya dengan perantaraan Muhammad bin `Abdir Rahman seperti tersebut di dalam riwayat yang akan dikemukakan pada poin (4) nanti. Kadang-kadang pula ia diriwayatkan secara *mauqūf* sahaja. Semua ini menunjukkan kecelaruan perawi-perawinya.

(4) Terdapat satu lagi saluran riwayat daripada Abu Hurairah. Matannya agak berbeza daripada matan hadits contoh kedua. Bagaimanapun ternyata ia lebih dahsyat daripada hadits contoh kedua itu. Di bawah ini dikemukakan riwayat berkenaan lengkap dengan sanadnya sebagaimana dikemukakan oleh Ibnu al-Jauzi di dalam *al-Maudhu`at*:

أنبأنا عبد الاول أنبأنا الداودي أنبأنا ابن أعين السرخسي حدثنا إبراهيم بن خزيم حدثنا عبد بن حميد حدثنا عبدالرحمن بن سعد الرازي حدثنا عمر بن أبي قيس عن إبراهيم بن مهاجر عن محمد بن عبدالرحمن بن أبي ذئاب عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم: لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ وَلَدُ زَنَّا وَلَا شَيْءٌ مِنْ نَسْلِهِ إِلَى سَبْعَةِ آبَاءَ

Bermaksud: Anak zina tidak akan masuk syurga. Tidak akan masuk syurga juga tujuh keturunannya.

Setelah mengemukakannya Ibnu al-Jauzi menulis, “Di dalam sanadnya ada Ibrahim bin Muhajir. Bukhari dan an-Nasā’i mengatakan ia dha’if. Apa dosa anak zina itu sehingga ia (dan tujuh keturunannya) terhalang daripada memasuki syurga?! Hadits-hadits itu pula menyalahi prinsip-prinsip agama Islam. Yang paling besarnya ialah ia menyalahi firman Allah:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

Bermaksud: ...dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja); ... (al-An`ām:164).”

Di dalam Mizan al-I`tidāl, Imam adz-Dzahabi menukulkan bahawa Imam Bukhari mengatakan ia (Ibrahim bin Muhajir) munkarul hadits. Sementara Yahya bin Sa`id pula dinukulkan telah berkata, ia (Ibrahim bin Muhajir) tidak kuat.

(5) Ibnu `Arrāq di dalam Tanzīh Asy-Syarī`ah al-Marfū`ah berkata, “Ad-Daaraquthni dan Abu Nu`aim mengatakan hadits di atas ma`lūl kerana Idhthirāb tersebut.”

(6) Abu Bakar al-Jasshāsh berkata di dalam kitabnya Ahkām al-Qur`an begini: “Ini semua termasuk dalam hadits-hadits Abu Hurairah yang tidak diterima kerana ia menyalahi usul. Seperti apa yang diriwayatkan daripada beliau bahawa وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ (anak zina adalah yang paling teruk antara tiga orang, iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya), وَلَدُ الزَّانَا لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ (anak zina tidak akan masuk syurga), لَا وَضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرْ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ (tiada wudhu’ bagi orang yang tidak menyebut nama Allah ketika hendak berwudhu’), dan hadits مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَلْيَغْتَسِلْ وَمَنْ حَمَلَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ (sesiapa memandikan mayat, dia hendaklah mandi, dan sesiapa menanggungnya, dia hendaklah berwudhu’). Semua hadits-hadits ini syadz (ganjil). Para fuqaha’ bersepakat tentang tidak harus dipakai zahirnya. (Lihat Ahkām al-Qur`an j.3 m/s 404).

(7) Kenapa hukuman terhadap anak zina yang tidak bersalah itu begitu teruk, sehingga tujuh keturunannya tidak akan dapat masuk syurga, adakah walaupun mereka beriman dan mentaati Allah sepanjang hayat? Hukuman berat seperti itu hairannya tidak pula tersebut dikenakan ke atas ibu bapanya yang memang telah melakukan dosa perzinaan!

Contoh Ketiga:

يُخْشَرُ أَوْلَادُ الزَّانَا فِي صُورَةِ الْفَرْدَةِ وَالْخَنَازِيرِ

Bermaksud: Anak-anak zina akan dibangkitkan (di Maḥsyar) dalam rupa kera-kera dan babi-babi.

Rujukan:

Al-`Uqaili – Kitab ad-Dhu`afā' al-Kabīr j.2 m/s 75, Hafīzh Ibnu Hajar – Lisān al-Mīzān j.3 m/s 560-561, as-Suyuthi – al-La'aali'u al-Mashnu`ah j.2 m/s 162-163, Hafīzh Ibnu Hajar – al-Mathālib al-`Aaliyah j.9 m/s 41, al-Būshīri – Ithāf al-Khiyarati al-Maharah j.8 m/s 160, as-Syaukaani- al-Fawaa'idu al-Majmu`ah m/s 204.

Komentar:

(1) Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar mengemukakan sanad bagi hadits contoh ketiga di atas melalui saluran Abu Bakar (Ibnu Abi Syaibah) seperti berikut:

وَقَالَ أَبُو بَكْرٍ حَدَّثَنَا أَسْوَدُ بْنُ عَامِرٍ ثنا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ عَنْ عَلِيِّ بْنِ زَيْدٍ عَنْ (زَيْدٍ) ابْنِ عِيَّاضٍ عَنْ عِيسَى بْنِ حِطَّانٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

(2) Di dalam Ithāf al-Khiyarati al-Maharah pula setelah mengemukakan hadits tersebut, Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar mengomentarkannya dengan berkata, “Abu Bakar Ibnu Abi Syaibah meriwayatkannya dengan sanad yang dha'if disebabkan kedha'ifan `Ali bin Zaid bin Jud`ān (salah seorang perawinya).”

`Ali bin Zaid bin Jud`ān menurut para `ulama' Rijāl seperti Ahmad, Yahya dan lain-lain adalah seorang perawi yang langsung tidak bernilai (ليس بشيء).”

(3) Al-`Uqaili, as-Suyuthi dan lain-lain pula mengemukakan hadits yang sama mafhumnya dengan hadits yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas, walaupun lafaznya berbeza. Bahagian atas sanadnya sama sahaja dengan sanad Abu Bakar Ibnu Abi Syaibah yang dikemukakan oleh Hafīzh Ibnu Hajar tadi. Di bawah ini dikemukakan hadits yang dimaksudkan itu dengan sanad al-`Uqaili bersama-sama terjemahannya:

حدثنا علي بن عبد العزيز ، قال : حَدَّثَنَا عارم ، قال : حَدَّثَنَا أحمد بن سلمة عن علي بن زيد عن زيد بن عياض عن عيسى بن حطان الرقاشي عن عبد الله بن عمرو أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال أولاد الزنا يحشرون يوم القيامة في صورة القردة والخنازير.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda, “Anak-anak zina akan dibangkitkan pada hari kiamat (nanti) dalam rupa kera-kera dan babi-babi.

(4) Di dalam Lisān al-Mīzān Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar berkata bahawa di dalam sanadnya juga ada perawi bernama Zaid bin `Iyādh al-Bashri. Ayyub as-Sakhtiyāni telah mempertikaikan (mentajrīhkan) perawi ini.

(5) As-Suyuthi setelah mengemukakan hadits itu berkata, “(Ia) Maudhu’”. Al-`Uqaili pula berkata, “Ia tidak maḥfūzh melalui saluran sanad yang tsabit (sahih atau hasan). Zaid bin `Iyādh telah dipertikaikan (ditajrīhkan) oleh Ayyub as-Sakhtiyāni.”

(6) `Isa bin Ḥitthān ar-Raqāsyi (salah seorang perawi di dalam kedua-dua sanad hadits di atas), walaupun Ibnu Hibbaan menyebutnya sebagai perawi tsiqah, namun Ibnu `Abdil Barr mengatakan ia bukan orang yang haditsnya boleh dijadikan hujah.

(7) Bukan as-Suyuthi sahaja menghukum hadits itu sebagai maudhu’, as-Saghāni, asy-Syaukāni, Muhammad Thāhir bin `Ali al-Hindi juga menghukumnya sebagai maudhu’. Ibnu al-Jauzi bahkan menghukumnya dengan berkata, “Ini adalah hadits maudhu’, langsung tiada asalnya.”

(8) Dari sudut dirayah, hadits contoh ketiga ini juga seperti hadits-hadits contoh pertama dan kedua dihukum sebagai maudhu’ kerana menyalahi firman Allah di dalam al-Qur’an dan menyalahi prinsip keadilan Islam yang berkekalan dari dunia hingga ke akhirat.

(9) Pada perenggan kedua pengenalan Usul ke-46 saya telah menulis: “Sementara hadits-hadits yang menyatakan kehinaan dan kejelikan anak zina sama ada di dunia atau pun di akhirat, semata-mata kerana ia anak zina pula kebanyakannya adalah dha’if teruk atau maudhu’. Kalau ada pun satu atau dua hadits (yang dianggap) sahih yang zahirnya memang menunjukkan kehinaan dan kejelikannya, maka maksud sebenarnya bukanlah begitu (sebagaimana zahirnya). Ia sama ada dihukum sebagai (hadits) syadz atau termasuk dalam hadits-hadits yang perlu dita’wil.”

Antara hadits seperti itu yang dapat dikemukakan sebagai contoh ialah hadits berikut:

وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ

Bermaksud: Anak zina adalah yang paling teruk antara tiga orang (iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya).

Hadits ini telah dikemukakan oleh Ahmad, Abu Daud, al-Haakim dan al-Baihaqi daripada Abi Hurairah. Lihat Musnad Ahmad j.2 m/s 311, Sunan Abi Daud j.4 m/s 29, Mustadrak al-Haakim j.2 m/s 233, Sunan al-Baihaqi j.10 m/s 57.

Setelah mengemukakannya al-Haakim berkata, “Sahih mengikut syarat Muslim.” As-Suyūthi juga di dalam al-Jāmi` as-Shaghīr mengatakan hadits ini sahih. Antara tokoh hadits terkini yang juga menghukumnya sebagai sahih ialah al-Albāni.

Beberapa perkara yang akan dikemukakan di bawah nanti perlu sekali diperhatikan dalam menilai hadits ini:

(i) Tidak dapat dinafikan bahawa hadits ini sahih jika dilihat kepada beberapa saluran riwayatnya semata-mata. Salah satunya ialah riwayat Ahmad berikut:

حَدَّثَنَا خَلْفُ بْنُ الْوَلِيدِ، حَدَّثَنَا خَالِدٌ، عَنْ سُهَيْلٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -: "وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ".

(ii) Di dalam riwayat Abu Daud terdapat tambahan seperti di bawah ini:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى، أَخْبَرَنَا جَرِيرٌ، عَنْ سُهَيْلِ بْنِ أَبِي صَالِحٍ، عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -: "وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ". وَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: "لَأَنْ أُمِّتَ بِسَوْطٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتَقَ وَلَدَ زَنْيَةٍ".

Bermaksud: Abu Hurairah berkata, “Sesungguhnya aku bersedekah dengan memberikan satu cemeti di jalan Allah lebih baik lagi bagiku daripada aku memerdekakan anak zina.”

Memerdekakan hamba abdi adalah satu amalan yang sangat dituntut dan sangat besar pahalanya menurut ajaran Islam. Cemeti pula hanya satu benda yang paling tidak berharga, namun bagi Abu Hurairah bersedekah dengan memberi cemeti kepada

seseorang untuk berjihad di jalan Allah, itu lebih baik lagi dari segi pahalanya berbanding memerdekakan seorang hamba hasil perzinaan (anak zina).

Kata-kata Abu Hurairah ini menunjukkan betapa hina dan tidak bernilainya anak zina pada pandangan beliau. Pahala memerdekakannya terlalu kecil dan sedikit.

Tambahan yang tersebut di dalam riwayat Abu Daud ini mauqūf (terhenti) pada Abu Hurairah. Ia tidak dikaitkan dengan Rasulullah s.a.w. Walau bagaimanapun hadits mauqūf seperti ini tentunya termasuk dalam hukum hadits marfu' (موقوف في حكم المرفوع) juga. Bahkan menurut riwayat al-Haakim, ia diriwayatkan oleh Abu Hurairah secara marfu' daripada Nabi s.a.w.

Cuma riwayat al-Haakim itu dha'if. Di dalam sanadnya terdapat Salamah bin al-Fadhal al-Abrasy, seorang perawi yang sangat dha'if. Dia menerimanya daripada Ibnu Ishaq yang juga dikatakan dha'if oleh sekian ramai 'ulama'. Riwayat seperti itu tentunya tidak dapat menandingi riwayat Abu Daud yang telah dikemukakan sebelum ini.

Selain itu, terdapat juga beberapa syawahidnya berupa hadits, meskipun tidak sahih. Antaranya ialah hadits riwayat an-Nasā'i di dalam as-Sunan al-Kubranya ini:

أَخْبَرَنَا الْعَبَّاسُ بْنُ مُحَمَّدٍ الدُّورِيُّ، قَالَ: حَدَّثَنَا الْفَضْلُ بْنُ دُكَيْنٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا إِسْرَائِيلُ، عَنْ زَيْدِ بْنِ جُبَيْرٍ، عَنْ أَبِي يَزِيدَ الضَّنْبِيِّ، عَنْ مَيْمُونَةَ، مَوْلَاةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ النَّبِيَّ سُئِلَ عَنْ وَلَدِ الزَّانَا، قَالَ: لَا خَيْرَ فِيهِ نَعْلَانُ أَجَاهِدُ أَوْ قَالَ: أَجْهَرُ بِهِمَا أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتَقَ وَلَدَ الزَّانَا.

Bermaksud: Maimunah (binti Sa'ad) maulat (hamba perempuan yang dimerdekakan oleh) Nabi s.a.w. meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w. pernah ditanya tentang anak zina. Baginda menjawab: "Tiada kebaikan padanya. Sepasang sepatu yang aku berjihad (dengan memakainya), atau Baginda bersabda: (Sepasang sepatu) yang aku sediakan untuk dipakai oleh seseorang yang hendak pergi berjihad, itu lebih baik lagi daripada aku memerdekakan anak zina.

Selain an-Nasā'i, Ahmad, Ibnu Majah, at-Tabaraani di dalam al-Mu'jam al-Kabir, Ishaq bin Rahawaih di dalam Musnadnya, dan al-Haakim juga turut meriwayatkannya, tetapi tanpa syak perawi. Di dalam riwayat Ahmad tersebut begini:

أَنَّ النَّبِيَّ سُئِلَ عَنْ وَلَدِ الزَّانَا، قَالَ: لَا خَيْرَ فِيهِ نَعْلَانُ أَجَاهِدُ بِهِمَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتَقَ وَلَدَ الزَّانَا.

“Tiada kebaikan padanya. Sepasang sepatu yang aku berjihad di jalan Allah dengan memakainya, itu lebih baik lagi bagiku daripada aku memerdekakan anak zina.

Oleh kerana terdapat di dalam sanad semua mereka dua orang perawi yang bernama Zaid bin Jubair dan Abu Yazid ad-Dhinni, hadits ini dihukum dha'if oleh para 'ulama' hadits. Zaid bin Jubair disepakati para 'ulama' hadits tentang kedha'ifannya. Abu Yazid ad-Dhinni pula seorang perawi majhul. Matan riwayatnya pula munkar.

(iii) Hadits وَلَدُ الزَّانِي شَرُّ الثَّلَاثَةِ (Anak zina adalah yang paling teruk antara tiga orang iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya) itu meskipun sahih sanadnya, namun maksud matannya tetap kabur dan munkar, lantaran ia bercanggah dengan perinsip keadilan Islam yang jelas tersebut di dalam al-Qur'an dan hadits-hadits yang sahih. Kerana itu, menurut sekian ramai 'ulama' ia perlu dita'wil, lebih-lebih lagi kerana terdapatnya beberapa hadits yang menghendaki ia dita'wil.

Di bawah ini dikemukakan beberapa ta'wilan yang berpunca daripada hadits-hadits, walaupun kebanyakannya dha'if. Imam al-Baihaqi di dalam as-Sunan al-Kubra di samping mengemukakan hadits وَلَدُ الزَّانِي شَرُّ الثَّلَاثَةِ itu, mengemukakan juga hadits-hadits berkenaan yang merupakan asas ta'wilan bagi hadits itu. Imam Ahmad dan lain-lain juga mengemukakannya di dalam kitab-kitab mereka masing-masing.

Berikut adalah perinciannya:

(a) Hadits وَلَدُ الزَّانِي شَرُّ الثَّلَاثَةِ itu tidak mutlaq, sebaliknya ia berqaid. Qaidnya adalah sebagaimana tersebut di dalam hadits berikut:

٢٠٤٨٦ - وَأَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْحَافِظُ حَدَّثَنَا أَبُو الْعَبَّاسِ : مُحَمَّدُ بْنُ يَعْقُوبَ حَدَّثَنَا الْعَبَّاسُ بْنُ مُحَمَّدٍ الدُّورِيُّ حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ مَنْصُورٍ السَّلُولِيُّ حَدَّثَنَا إِسْرَائِيلُ عَنْ إِبْرَاهِيمَ (بْنِ إِسْحَاقَ) عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ قَيْسٍ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- : « وَلَدُ الزَّانِي شَرُّ الثَّلَاثَةِ إِذَا عَمِلَ بِعَمَلِ آبَوَيْهِ ».

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Anak zina adalah yang paling teruk antara tiga orang (iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya), jika ia melakukan apa yang dilakukan oleh kedua ibu dan bapanya.”

Anak zina yang dikatakan paling teruk oleh Rasulullah s.a.w. antara tiga orang (iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya) itu ialah yang meneruskan apa yang pernah

dilakukan oleh kedua ibu bapanya berupa perzinaan. Jika tidak, maka tidaklah ia yang paling teruk.

Hadits `Aaishah ini dihukum sahih oleh as-Suyuthi di dalam al-Jāmi' as-Shaghīr. Adz-Dzahabi pula mengataka ia dha'if. Al-Baihaqi hanya menghukum dha'if terhadap hadits `Aaishah yang marfū' ini sahaja. Selain al-Baihaqi, Ahmad juga turut meriwayatkannya. Antara sebab hadits ini dihukum dha'if oleh para `ulama' hadits ialah di dalam sanadnya ada perawi majhūl bernama Ibrahim bin Ishaq.

Dengan sanad yang lain, Al-Baihaqi mengemukakan hadits yang sama lafaznya dengan hadits `Aaishah itu daripada Ibnu `Abbaas, tetapi ia dihukum dha'if oleh beliau. Sebabnya ialah di dalam sanadnya ada Muhammad bin Abi Laila, seorang perawi yang teruk ingatannya. Ḥabbaan bin `Ali yang meriwayatkannya daripada Muhammad bin Abi Laila juga seorang perawi dha'if. Dia pula bersendirian dalam meriwayatkannya.

Dengan sanadnya yang sahih al-Baihaqi mengemukakan bahawa tambahan *qaid* إِذَا عَمِلَ di penghujung hadits `Aaishah atau Ibnu `Abbaas itu sebenarnya mudraj. Ia adalah tambahan yang dibuat oleh Sufyan ats-Tsauri untuk menjelaskan maksud sebenar hadits tersebut. Sekarang lihatlah riwayat al-Baihaqi berkenaan di bawah ini:

٢٠٤٨٨- وَإِنَّمَا يُرَوَّى هَذَا الْكَلَامُ عَلَى الْخَبَرِ مِنْ قَوْلِ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ أَخْبَرَنَا عَلَى بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّنَا أَبُو الْقَاسِمِ الطَّبْرَانِيُّ حَدَّثَنَا عَلَى بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ حَدَّثَنَا أَبُو حُدَيْفَةَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ سُهَيْلٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- عَنْ وَلَدِ الرَّثَا فَقَالَ: «هُوَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ». قَالَ سُفْيَانُ: يَعْنِي إِذَا عَمِلَ بِعَمَلٍ وَالدِّيَةِ.

(b) Latar belakang bagi terungkapnya sabda Rasulullah s.a.w. itu tersebut di dalam hadits di bawah ini:

٥٣٤٠- وَيَأْتِيهِ قَالَ وَحَدَّثَنَا زَيْدٌ حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ صَالِحٍ قَالَ حَدَّثَنِي السَّقَرِيُّ بْنُ نُسَيْرٍ الْأَسَدِيُّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- إِنَّمَا قَالَ: «وَلَدُ الرَّثَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ أَنَّ أَبَوَيْهِ أَسْلَمَا وَلَمْ يُسْلِمِ هُوَ».

Bermaksud: Sebenarnya Rasulullah s.a.w. bersabda (begini): “Anak zina itu adalah yang paling teruk antara tiga orang (iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya). Sebabnya ialah kedua ibu bapanya telah memeluk agama Islam, sedangkan dia belum lagi.”

Ini bererti hadits **وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ** yang sahih sanadnya itu adalah satu hadits yang ringkas (حديث مختصر). Maksud sebenarnya tidak akan difahami selagi tidak diketahui latar belakangnya. Ia disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. berhubung dengan orang tertentu yang dima`lumi semasa hidup Baginda. Kedua ibu bapanya telah memeluk agama Islam, sedangkan dia sendiri pada ketika itu belum memeluk agama Islam.

Kerana itulah dikatakan antara tiga beranak itu yang paling teruk ialah si anak. Kerana dia tidak memeluk agama Islam. Keadaannya tentulah lebih teruk daripada kedua ibu bapanya. Dengan memeluk agama Islam segala dosa yang dilakukan oleh kedua ibu bapanya digugur dan dima`afkan, sesuai dengan sabda Nabi s.a.w. **اَلْاِسْلَامُ يَهْدِيْكُمْ مَا كَانَ قَبْلَهُ** (Islam menggugurkan dosa-dosa yang dilakukan oleh seseorang sebelum memeluknya). Si anak pula kerana tidak memeluk agama Islam tidak mendapat keistimewaan seperti itu. Setelah mengemukakan hadits di atas al-Baihaqi berkata, “Hadits ini mursal.”

(c) **وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ** itu disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. apabila berlaku satu peristiwa. Al-Hasan menceritakan peristiwa itu sebagaimana diriwayatkan oleh al-Baihaqi. Lihat riwayatnya di bawah ini:

٢٠٤٩٠- وَأَخْبَرَنَا أَبُو ظَاهِرٍ الْفَقِيهُ أَنْبَأَنَا أَبُو بَكْرِ الْقَطَّانُ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُونُسَ قَالَ ذَكَرَ سُعْيَانُ عَنْ رَجُلٍ عَنِ الْحَسَنِ قَالَ : إِنَّمَا سُمِّيَ وَلَدُ الزَّانِيَةِ شَرُّ الثَّلَاثَةِ أَنَّ أُمَّهُ قَالَتْ لَهُ لَسْتُ لِأَبِيكَ الَّذِي تُدْعَى بِهِ فَقَتَلَهَا فَسُمِّيَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ.

Bermaksud: Sebabnya dikatakan anak zina berkenaan adalah yang paling teruk antara tiga orang (iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya) ialah ibunya telah berkata kepadanya: “Engkau bukanlah anak orang yang disebut sebagai bapamu itu.” Lalu (setelah mendengar kata-kata ibunya itu) dia membunuh ibunya. Kerana itulah ia dikatakan paling teruk.

Oleh kerana dosa membunuh lebih besar daripada dosa berzina, terutamanya dosa membunuh ibu sendiri, maka dikatakan anak zina berkenaan adalah yang paling teruk daripada tiga orang yang ada kaitannya dengan suatu perzinaan.

Hadits al-Hasan ini mursal dan dha`if kerana terdapat di dalamnya perawi majhūl.

(d) Riwayat `Aaishah yang dikemukakan oleh al-Haakim juga menunjukkan sabda Nabi s.a.w. itu berkenaan dengan orang tertentu yang kebetulannya seorang anak zina. Ia tidak disabdakan oleh Baginda tentang semua anak zina. Lihat hadits `Aaishah itu di bawah ini:

وَأَمَّا قَوْلُهُ : وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ فَلَمْ يَكُنِ الْحَدِيثُ عَلَى هَذَا ، إِنَّمَا كَانَ رَجُلٌ مِنَ الْمُنَافِقِينَ ، يُؤْذِي رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : مَنْ يَعْذِرُنِي مِنْ فُلَانٍ ؟ قِيلَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، مَعَ مَا بِهِ وَلَدُ زَنَّا ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : هُوَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ وَاللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَقُولُ : {وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى} .

Bermaksud: Adapun sabdanya: وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ, ia tidak memberi erti umum. Sebenarnya ada seorang munafiq yang selalu menyakiti Rasulullah s.a.w. Berkenaan Baginda sampai bersabda: “Ada sesiapa boleh melepaskanku daripada (gangguan) si fulan?”. Lalu ada yang berkata, “Wahai Rasulullah! Selain ia jahat, ia juga anak zina.” Ketika itulah Rasulullah s.a.w. bersabda: هُوَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ (ia adalah yang paling teruk daripada tiga orang). Maksud Baginda ialah ia sendiri dan kedua ibu bapanya. (Berkenaan anak zina yang bukan begitu sifatnya pula) Allah berfirman: {وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى} Bermaksud: Seseorang manusia tidak menanggung dosa orang lain.

Hadits `Aaishah ini adalah sebahagian daripada haditsnya yang lengkap. Ia dikemukakan selengkapnya di bawah poin (iv) bahagian (b) akan datang. Lihatlah kedudukannya di situ.

Daripada hadits dan atsar yang dikemukakan di atas, sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud “Anak zina adalah yang paling teruk antara tiga orang (iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya” itu lebih patut dikaitkan dengan orang tertentu yang hidup di zaman Rasulullah s.a.w. Ia tiada kaitan dengan semua anak zina.

(iv) Hadits Abu Hurairah: وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan lain-lain seringkas itu sahaja, telah mengundang banyak pihak mengkritik dan membantahnya, termasuk para sahabat sendiri. Alasannya ialah ia bercanggah dengan al-Qur'an, kenyataan sejarah dan prinsip keadilan Islam. Berikut dikemukakan bantahan tiga orang sahabat terhadapnya:

(a) Bantahan Ibnu `Umar yang tersebut di dalam Mushannaf `Abdur Razzaq.

٦٦٢٥ - عَنْ أَبِي مَعْشَرٍ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ كَعْبٍ، عَنْ مَيْمُونِ بْنِ مِهْرَانَ، أَنَّهُ شَهِدَ ابْنَ عُمَرَ صَلَّى عَلَى وَلَدِ الزَّانَا، فَقِيلَ: إِنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ لَمْ يُصَلِّ عَلَيْهِ، وَقَالَ: هُوَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ، فَقَالَ ابْنُ عُمَرَ: «هُوَ خَيْرُ الثَّلَاثَةِ».

Bermaksud: Maimūn bin Mihrān meriwayatkan bahawa dia menyaksikan Ibnu `Umar menyembahyangkan jenazah anak zina, lalu ada orang berkata kepadanya bahawa Abu Hurairah tidak menyembahyangkannya dan beliau (Abu Hurairah) berkata, “Anak zina itu adalah yang paling teruk antara tiga orang (iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya).” Maka Ibnu `Umar berkata, “Dia (anak zina) adalah yang terbaik antara tiga orang tersebut.” (al-Mushannaf j.3 m/s 536).

Sebabnya Ibnu `Umar membantah riwayat Abu Hurairah itu dengan berkata, “Dia (anak zina) adalah yang terbaik antara tiga orang tersebut”, ialah kerana anak zina langsung tidak bersalah. Yang bersalah ialah kedua ibu bapanya. Bukankah Allah berfirman: { وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى } Bermaksud: Seseorang manusia tidak menanggung dosa orang lain.?!

Hadits `Abdur Razzaaq di dalam Mushannaf itu tidak sahih kerana di dalam sanadnya terdapat Abu Ma`syar yang dianggap dha`if oleh kebanyakan `ulama` hadits.

(b) `Aaishah juga membantah riwayat Abu Hurairah itu. At-Thaḥāwī di dalam Musykilil Aatsār, al-Haakim di dalam al-Mustadrak dan al-Baihaqi di dalam as-Sunan al-Kubra mengemukakan bantahan beliau terhadapnya. Di bawah ini adalah riwayat `Aaishah berkenaan berdasarkan riwayat al-Baihaqi:

٢٠٤٨٤ - أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْخَافِضُ حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ : أَحْمَدُ بْنُ إِسْحَاقَ أَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غَالِبٍ حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عُمَرَ بْنِ شَقِيقٍ حَدَّثَنَا سَلَمَةُ بْنُ الْفَضْلِ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِسْحَاقَ عَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ قَالَ : بَلَغَ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- قَالَ : «لَأَنْ أُمَتِّعَ بِسَوَاطِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أُعْتِقَ وَلَدَ الزَّانَا » . وَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- قَالَ : «وَلَدَ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ وَإِنَّ الْمَيِّتَ يُعَذَّبُ بِبُكَاءِ الْحَيِّ » . فَقَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا رَجِمَ اللَّهُ أَبَا هُرَيْرَةَ أَسَاءَ سَمْعًا فَأَسَاءَ إِجَابَةً لِأَنْ أُمَتِّعَ بِسَوَاطِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أُعْتِقَ وَلَدَ الزَّانَا إِنَّهَا لَمَّا نَزَلَتْ (فَلَا افْتَحَمَ الْعَقَبَةُ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ فَكُّ رَقَبَةٍ) قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا عِنْدَنَا مَا نُعْتِقُ إِلَّا أَنْ أَحَدَنَا لَهُ الْجَارِيَةُ السُّودَاءُ تَخْدُمُهُ وَتَسْعَى عَلَيْهِ فَلَوْ أَمَرْنَا هُنَّ فَرَتَيْنِ فَجَعَلْنِ بِأَوْلَادٍ فَأَعْتَقْنَاهُمْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- «لَأَنْ أُمَتِّعَ بِسَوَاطِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أُمَرَ بِالزَّانَا ثُمَّ أُعْتِقَ الْوَلَدُ » وَأَمَّا قَوْلُهُ : «وَلَدَ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ » . فَلَمْ يَكُنِ الْحَدِيثُ عَلَى هَذَا إِنَّمَا كَانَ رَجُلٌ مِنَ الْمُتَأَفِّقِينَ يُؤْذِي رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- فَقَالَ «مَنْ يَغْذِرْنِي مِنْ فُلَانٍ » قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ مَعَ مَا بِهِ وَلَدَ الزَّانَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- : «هُوَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ » . وَاللَّهُ تَعَالَى يَقُولُ (وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى) وَأَمَّا قَوْلُهُ «إِنَّ الْمَيِّتَ لَيُعَذَّبُ بِبُكَاءِ الْحَيِّ » فَلَمْ يَكُنِ الْحَدِيثُ عَلَى هَذَا وَلَكِنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- مَرَّ بِدَارِ رَجُلٍ مِنَ الْيَهُودِ قَدْ

مَاتَ وَأَهْلُهُ يَبْكُونَ عَلَيْهِ فَقَالَ « إِنَّهُمْ لَيَبْكُونَ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَيُعَذَّبُ » وَاللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَقُولُ (لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا) {ج} سَلَمَةُ بْنُ الْقُصْلِ الْأَبْرَشُ يَرْوَى مَنَاكِيرَ. {ت} وَقَدْ رُوِيَ عَنْ أَبِي سَلَيْمَانَ الشَّامِيِّ وَهُوَ بُرْدُ بْنُ سَيْنَانَ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا مَرْسَالاً فِي إِعْتَاقِ وَلَدِ الرَّثَا وَاللَّهُ أَعْلَمُ.

Bermaksud: `Urwah bin az-Zubair meriwayatkan, katanya: `Aaishah mendapat tahu bahawa Abu Hurairah berkata, Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: “Lebih lagi aku suka memberikan cemeti untuk digunakan di jalan Allah daripada aku memerdekakan anak zina.” Dan Rasulullah s.a.w. (juga) bersabda: “Anak zina adalah yang paling teruk antara tiga orang (iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya). Dan sesungguhnya orang mati diseksa kerana tangisan orang hidup.”

Maka `Aaishah r.a. berkata, “Semoga Allah merahmati Abu Hurairah. Dia telah tidak mendengar dengan baik, maka kesimpulannya juga tidak baik (salah). Sabda Nabi s.a.w. “Lebih lagi aku suka memberikan cemeti untuk digunakan di jalan Allah daripada aku memerdekakan anak zina” itu sebenarnya muncul sebagai sabda Baginda setelah turunnya firman Allah ini:

فَلَا أَفْتَحَمَ الْعَقَبَةَ ۖ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ۖ فَكَّ رَقَبَةٍ ۖ ﴿١١﴾

Bermaksud: Tetapi dia (manusia) tiada menempuh jalan yang mendaki lagi sukar. (11). Tahukah kamu apakah jalan yang mendaki lagi sukar itu? (12). (iaitu) memerdekakan hamba abdi; (13). (al-Balad: 11-13).

(Maka) Ada orang berkata, “Wahai Rasulallah, kami tidak mempunyai hamba abdi untuk dimerdekakan, tetapi ada antara kami mempunyai hamba sahaya perempuan Negro (berkulit hitam) yang berkhidmat dan berkerja mencari duit untuknya. (Apa kata kalau) Kami menyuruh mereka berzina (melacur), dan setelah mereka melahirkan beberapa orang anak, kami merdekakannya?” Pada ketika itulah Nabi s.a.w. bersabda: “Lebih lagi aku suka memberikan cemeti untuk digunakan di jalan Allah daripada aku menyuruh orang berzina, kemudian memerdekakan anak zinanya.”

Adapun sabdanya: وَلَدُ الرَّثَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ , ia tidak memberi erti umum. Sebenarnya ada seorang munafiq yang selalu menyakiti Rasulullah s.a.w. Berkenaan Baginda sampai bersabda: “Ada sesiapa boleh melepaskanku daripada (gangguan) si fulan?”. Lalu ada yang berkata, “Wahai rasulallah! Selain ia jahat, ia juga anak zina.” Ketika itulah Rasulullah s.a.w. bersabda: هُوَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ (ia adalah yang paling teruk daripada tiga

orang). Maksud Baginda ialah ia sendiri dan kedua ibu bapanya. (Berkenaan anak zina yang bukan begitu sifatnya pula) Allah berfirman: {وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى} Bermaksud: Seseorang manusia tidak menanggung dosa orang lain.

Adapun sabda Baginda: “Sesungguhnya orang mati diseksa kerana tangisan orang hidup”, maka erti zahirnya tidaklah dimaksudkan. Rasulullah s.a.w. sebenarnya pernah melalui dekat rumah seorang Yahudi yang meninggal dunia. Keluarganya pula sedang menangisinya. Ketika itulah Baginda bersabda: إِنَّهُمْ لَيَبْكُونَ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَيُعَذَّبُ Bermaksud: “Sesungguhnya mereka menangisinya, sedangkan dia benar-benar sedang diseksa.” Berhubung dengan orang-orang yang tidak bersalah Allah telah pun menetapkan hukumNya untuk mereka melalui firmanNya ini:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ﴿٢٨٦﴾

Bermaksud: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya.... (al-Baqarah:286).

Haakim mengatakan hadits ini sahih, menepati syarat Imam Muslim untuk Sahihnya. Ramai pula `ulama' hadits mengatakan ia tidak sahih. Kerana di dalam sanadnya ada perawi-perawi dha'if seperti Salamah bin al-Fadhl dan Muhammad bin Ishaq.

Al-Baihaqi sendiri mengisyaratkan kepada kelemahan Salamah dengan berkata, “Salamah meriwayatkan banyak hadits-hadits munkar.” Untuk menampung kelemahan Muhammad bin Ishaq yang meriwayatkan hadits ini secara `an`anah, sedangkan dia seorang mudallis pula al-Baihaqi mengemukakan mutābi`nya yang turut meriwayatkan hadits ini daripada az-zuhri, iaitu Burd bin Sinān Abu Sulaiman asy-Syāmi.

Kata-kata al-Haakim bahawa hadits ini sahih dan ia menepati syarat Muslim dibantah oleh sekian ramai `ulama' hadits. Sebabnya ialah Salamah bukan perawi Sahih Muslim. Ibnu Ishaq pula bukan perawi riwayat usul Sahih Muslim. Imam Muslim hanya mengambil haditsnya untuk riwayat-riwayat mutāba`āt sahaja.

Bagi penulis, walaupun hadits `Aaishah ini tidaklah sampai ke tahap sahih - apalagi tahap sahih yang menepati syarat Sahih Muslim - tetapi memandangkan terdapat beberapa mutāba`ātnya dan banyak pula riwayat-riwayat daripada `Aaishah berhubung

dengan perkara yang sama, maka hadits ini bolehlah dihukumkan sebagai hadits ḥasan. والله أعلم.

(c) Memang terdapat beberapa riwayat `Aaishah yang membantah hadits riwayat Abu Hurairah itu. Di bawah ini dikemukakan salah satu daripadanya yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam Sunan Kubranya:

٢٠٤٨٥- أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنْبَأَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ أَحْمَدَ اللَّحْمِيُّ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ فِي وَلَدِ الزَّانَا لَيْسَ عَلَيْهِ مِنْ وَزْرِ أَبَوَيْهِ شَيْءٌ (لَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى).

Bermaksud: `Urwah meriwayatkan daripada `Aaishah, (bahawa) beliau berkata tentang anak zina: “Ia tidak menanggung sedikit pun dosa kedua ibu bapanya. Allah berfirman: {لَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى} Bermaksud: Seseorang manusia tidak menanggung dosa orang lain.”

Setelah mengemukakan hadits `Aaishah di atas al-Baihaqi berkata: رَفَعَهُ بَعْضُ الضُّعَفَاءِ (Sesetengah perawi dha'if memarfū'kannya, sedangkan yang sahih ialah ia mauqūf). Dan riwayat yang dikemukakan oleh al-Baihaqi itu adalah yang mauqūf bukan yang marfū'.

Alasan `Aaishah tidak mahu menerima hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah tidak kerana lain melainkan kerana ia bercanggah dengan firman Allah yang dibaca beliau di akhir kata-katanya di dalam hadits itu. Ini membuktikan `Aaishah memang mengguna pakai kaedah dirayah dalam menilai sesuatu hadits.

(d) `Abdur Razzāq juga meriwayatkan sikap `Aaishah yang sangat tidak suka terhadap orang yang menyebarkan hadits Abu Hurairah itu. Beliau bahkan mencelanya. Lihat hadits berkenaan di bawah ini:

13860 - عَبْدُ الرَّزَّاقِ، عَنْ مَعْمَرٍ، عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ، كَانَتْ إِذَا قِيلَ لَهَا: هُوَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ، عَابَتْ ذَلِكَ، وَقَالَتْ: "مَا عَلَيْهِ مِنْ وَزْرِ أَبَوَيْهِ، قَالَ اللَّهُ: {لَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى}."

Bermaksud: `Aaishah akan mencela orang yang menyebut hadits هُوَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ (Ia adalah yang paling teruk antara tiga orang) itu dan berkata, “Ia tidak menanggung apa pun dosa kedua ibu bapanya”. Allah berfirman: {لَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى} Bermaksud: Seseorang manusia tidak menanggung dosa orang lain.” (Lihat al-Mushannaf j.7 m/s 454).

Atsar `Aaishah ini juga sahih sanadnya.

(e) Ibnu `Abbaas juga antara sahabat yang membantah dan mengkritik riwayat Abu Hurairah tersebut. Dengan sanadnya Ibnu `Abdil Barr mengemukakan bantahan Ibnu `Abbaas di dalam al-Istidzkār dan at-Tamhīd. Lihat riwayat Ibnu `Abdil Barr itu di bawah ini:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ سَعِيدٍ بْنُ بِشْرِ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي دُلَيْمٍ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ وَصَّاحٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عِمْرَانَ بْنِ مِقْلَاصٍ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ وَهْبٍ حَدَّثَنِي مُعَاوِيَةُ بْنُ صَالِحٍ عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ قَالَ كَانَ ابْنُ عَبَّاسٍ يَقُولُ فِي وَلَدِ الزَّيْنَةِ لَوْ كَانَ شَرُّ الثَّلَاثَةِ لَمْ يُتَّانَ بِأُمِّهِ أَنْ تُرْجَمَ حَتَّى تَضَعَهُ.

Bermaksud: `Ali bin Abi Thalḥah meriwayatkan, katanya: Ibnu `Abbaas selalu berkata tentang anak zina: “Kalau ia adalah yang paling teruk antara tiga orang (iaitu ia sendiri dan kedua ibu dan bapanya), niscaya tidak ditangguh hukuman rejam terhadap ibunya sehingga ia melahirkan anaknya.”

Hukuman rejam terhadap ibu yang mengandungkan anak zina ditangguh sehingga ia melahirkan kandungannya. Ini menunjukkan anak zina bukanlah lebih teruk daripada kedua ibu dan bapanya. Bagaimana pula boleh dikatakan ia paling teruk antara tiga orang, kalau ia dibebaskan dari hukuman? Itulah logik yang dipakai oleh Ibnu `Abbaas. Atsar ini juga menunjukkan Ibnu `Abbaas mengguna pakai qaedah dirayah dalam menilai hadits.

(v) Hadits Abu Hurairah: وَلَدُ الزَّيْنَةِ شَرُّ الثَّلَاثَةِ yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan lain-lain seringkas itu sahaja, walaupun dianggap sahih atau hasan oleh ramai `ulama', namun ia juga tidak terlepas daripada kritikan dan bantahan para `ulama' hadits dan fuqaha'. Pandangan tiga orang sahaja daripada mereka akan dikemukakan sebagai contohnya:

(a) Ibnu al-Jauzi di dalam al-`Ilal al-Mutanāhiah berkata tentangnya:

هذا حديث لا يصح وخالد لا يعرف من هو

Bermaksud: Ini adalah hadits yang tidak sahih. Khalid tidak diketahui siapakah dia (majhūl). (Lihat al-`Ilal al-Mutanāhiah j.2 m/s 769).

(b) Adz-Dzahabi di dalam Tadzkiratu al-Ĥuffāzh di bawah biografi asy-Sya`bi menukulkan kata-kata Jarīr bin Ayyub bahawa ada seorang lelaki bertanya asy-Sya`bi tentang hadits *وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ* , maka jawab asy-Sya`bi: “Jikalau benar (kandungan) hadits itu, niscaya ibunya direjam ketika ia masih dalam kandungannya.” (Lihat Tadzkiratu al-Ĥuffāzh j.1 m/s 64).

Kata-kata dan kenyataan asy-Sya`bi ini nampaknya lebih kurang sama dengan kata-kata Ibnu `Abbaas yang dinukilkan oleh Ibnu `Abdil Barr seperti telah dikemukakan di atas.

(c) Sebelum ini telah pun dikemukakan pandangan Abu Bakar al-Jasshāsh tentang beberapa hadits Abu Hurairah yang dipertikaikan. Walaupun sanadnya sahih, ia tetap dihukum sebagai hadits yang syadz. Penulis berpendapat, adalah elok ia dikemukakan sekali lagi di sini. Kata beliau:

“Ini semua termasuk dalam hadits-hadits Abu Hurairah yang tidak diterima kerana ia menyalahi usul. Seperti apa yang diriwayatkan daripada beliau bahawa *وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ* (anak zina adalah yang paling teruk antara tiga orang, iaitu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya), *وَلَدُ الزَّانَا لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ* (anak zina tidak akan masuk syurga), *لَا وُضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرْ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ* (tiada wudhu’ bagi orang yang tidak menyebut nama Allah ketika hendak berwudhu’), dan hadits *مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَلْيَغْتَسِلْ وَمَنْ حَمَلَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ* (sesiapa memandikan mayat, dia hendaklah mandi, dan sesiapa menanggungnya, dia hendaklah berwudhu’). Semua hadits-hadits ini syadz (ganjil). Para fuqaha’ bersepakat tentang tidak harus dipakai zahirnya. (Lihat *Aḥkām al-Qur’an* j.3 m/s 404).

(10) Daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa hukum hasan atau sahih yang diberikan oleh sekumpulan ‘ulama’ hadits terhadap hadits *وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ* itu hanyalah dengan melihat kepada sanadnya semata-mata. Ini kerana ma`nanya yang umum adalah terlalu munkar dan tidak sahih.

Matan hadits itu baru dapat diterima hanya apabila ia tidak dipakai dengan erti umum seumum-umumnya. Sebaliknya ia diqaidkan atau dita’wil atau dikhususkan dengan orang-orang tertentu di zaman Rasulullah s.a.w. sahaja, seperti tersebut di dalam hadits-hadits yang dikemukakan oleh al-Baihaqi di dalam as-Sunan al-Kubranya dan lain-lain muḥadditsīn di dalam kitab-kitab mereka. Dan semua itu telah pun penulis bentangkan dalam perbincangan yang lalu.